

## Terjemahan Unsur Budaya Sosial dalam Amali Terjemahan Pelajar

### *(Translation of Social-Cultural Elements in Students' Translation)*

Norhazlina Husin<sup>1\*</sup>, Saliza Ismail<sup>2</sup>, Midiyana Mohamad<sup>3</sup>

Haslina Haroon<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Email: norha462@uitm.edu.my

<sup>2</sup>Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Email: salizai@uitm.edu.my

<sup>3</sup>Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia.

Email: midiy165@uitm.edu.my

<sup>4</sup>Universiti Sains Malaysia, 11800 Minden, Pulau Pinang, Malaysia.

Email: haslina@usm.my

#### ABSTRAK

#### CORRESPONDING

#### AUTHOR (\*):

Norhazlina Husin

(norha462@uitm.edu.my)

#### KATA KUNCI:

Unsur budaya sosial

Prosedur terjemahan

Amali terjemahan

#### KEYWORDS:

Social-cultural elements

Translation procedures

Translation practice

#### CITATION:

Norhazlina Husin et al. (2024). Terjemahan

Unsur Budaya Sosial dalam Amali

Terjemahan Pelajar. *Malaysian Journal of*

*Social Sciences and Humanities (MJSSH)*,

9(5), e002827.

<https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i5.2827>

Terjemahan merupakan satu aktiviti yang melibatkan pemindahan maklumat dari bahasa sumber ke bahasa sasaran. Pemindahan ini melibatkan pelbagai aspek termasuklah budaya. Terjemahan budaya bukanlah suatu tugas yang mudah dilakukan. Penterjemah perlu benar-benar memahami unsur budaya teks sumber sebelum diterjemahkan. Hal ini mungkin sukar bagi individu yang baharu mempelajari untuk menjadi penterjemah. Sehubungan itu, satu kajian dijalankan bagi menganalisis prosedur terjemahan unsur budaya sosial dalam Amali Terjemahan pelajar yang mengikuti kursus terjemahan. Analisis kandungan dan analisis perbandingan digunakan sebagai kaedah dalam kajian berbentuk kualitatif ini. Kategori Budaya dan Prosedur Terjemahan oleh Newmark (1988) digunakan sebagai kerangka teori. Hasil analisis menunjukkan terdapat tujuh unsur budaya sosial dalam teks sumber dan boleh dikategorikan kepada tiga subkategori iaitu (i) riadah, (ii) kerja dan (iii) kelas masyarakat. Unsur budaya subkategori riadah merupakan subkategori yang paling banyak dapatannya iaitu sebanyak empat dapatan (57.1%), diikuti oleh subkategori kelas masyarakat sebanyak dua dapatan (28.6%) dan subkategori kerja sebanyak satu dapatan (14.3%). Enam prosedur terjemahan iaitu (i) pemindahan, (ii) naturalisasi, (iii) pinjam terjemah, (iv) persamaan budaya, (v) transposisi dan (vi) kata demi kata. Dapatan juga menunjukkan terdapat kesalahan dalam terjemahan unsur budaya sosial dalam terjemahan pelajar. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi keterangan tentang hasil terjemahan pelajar terutamanya terjemahan budaya.

### ABSTRACT

Translation is an activity that involves the transfer of information from a source language to a target language. The transfer encompasses various aspects, including culture. Translating cultural elements presents a formidable challenge, demanding a profound understanding of the source text's cultural nuances. This can pose difficulties for novices in the field of translation. Therefore, a study is conducted to analyse the procedures of translating social cultures in the Translation Practice of students taking a translation course. Content analysis and comparative analysis are the methods applied for this qualitative research. Categories of Culture (Newmark, 1988) and Translation Procedures (Newmark, 1988) are used as the theoretical framework. Findings show that there are seven social-cultural elements in the source text and can be categorised into three subcategories, namely (i) leisure, (ii) work (iii) social classification. The leisure subcategory of social culture is the most frequent, with four instances (57.1%), followed by two instances (28.6%) of the social classification subcategory and one instance (14.3%) of the work subcategory. Six translation procedures are identified: (i) transference, (ii) naturalisation, (iii) through-translation, (iv) cultural equivalent, (v) transposition, and (vi) word-for-word. The findings also indicate errors in translating social-cultural elements in students' translations. It is hoped that the findings of this research will be able to provide explanations on the students' translation works, particularly with regards to cultural translation.

**Sumbangan/Keaslian:** Kajian ini menyumbang kepada bidang pengajaran dan pembelajaran kursus terjemahan. Hasil dapatan ini juga dapat membantu dalam aspek pelatihan penterjemah dengan memberi fokus kepada persediaan pengajaran terjemahan budaya. Tambahan lagi, hasil terjemahan pelajar kursus terjemahan dan budaya sosial juga masih kurang dibincangkan secara mendalam dalam kajian terjemahan di Malaysia.

## 1. Pengenalan

Terjemahan merupakan satu daripada keperluan sosial dan menjadi medium komunikasi global (Kumar et al, 2019; Al. Sobh, 2022) yang penting dalam kehidupan seharian manusia. Keperluan terjemahan semakin meningkat kerana imigrasi, globalisasi, perkembangan sains, teknologi dan perdagangan yang berlaku (Al. Sobh, 2022). Kini aktiviti terjemahan amat penting dalam menghadapi ledakan pengetahuan dan kepelbagaian cara berfikir serta gaya hidup yang berbeza (Kumar et al., 2019).

Terjemahan merupakan aktiviti komunikasi yang melibatkan proses pemindahan ilmu, budaya dan pemikiran. Terjemahan menjadi medium penting dalam komunikasi antara bahasa dan budaya serta dalam pembangunan sesebuah negara bangsa. Terjemahan bukan hanya melibatkan pemindahan item linguistik dari satu bahasa ke bahasa lain bahkan juga melibatkan pemindahan budaya. Budaya merupakan satu daripada cabaran dalam terjemahan. Budaya merupakan satu bentuk manifestasi dan perkongsian

interaksi, tingkah laku, konstruk kognitif serta pemahaman yang diperolehi melalui pembudayaan (Husin, 2022).

Kemampuan untuk menterjemah merupakan kemahiran yang perlu dikuasai oleh penterjemah (Sari, 2019). Terjemahan budaya memberi cabaran yang berbeza kepada penterjemah terutamanya penterjemah baharu. Tanpa pengalaman dan pengetahuan yang mendalam, penterjemah mungkin menghadapi masalah untuk menterjemah unsur budaya. Hal ini mungkin menjadi lebih sukar sekiranya penterjemah tersebut adalah pelajar terjemahan yang masih belum mempunyai pengalaman yang luas dalam terjemahan.

Sehubungan itu, makalah ini membicarakan tentang terjemahan unsur budaya sosial dalam Amali Terjemahan oleh pelajar yang mengikuti kursus terjemahan. Perbincangan dalam makalah ini mengkhusus dua objektif iaitu (i) mengenal pasti unsur budaya sosial dalam petikan teks sumber Amali Terjemahan 2 dan (ii) menganalisis prosedur terjemahan yang digunakan oleh pelajar untuk menterjemah unsur budaya sosial yang dikenal pasti.

## 2. Sorotan Literatur

Budaya ialah suatu enigma yang terdiri daripada komponen-komponen konkrit dan abstrak (Husin, 2016). Terjemahan unsur budaya dianggap sebagai satu usaha yang mencabar dalam bidang terjemahan (Toury, 2012). Menterjemah unsur budaya tidaklah mudah kerana terjemahan budaya bukan sekadar memindahkan kata bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran semata-mata. Hal ini kerana terdapat perbezaan antara budaya bahasa sumber dan bahasa sasaran. Perbezaan budaya bahasa sumber dan bahasa sasaran boleh menyebabkan penterjemah berada dalam dilema kerana mesej teks sumber perlu dipindahkan dengan tepat ke dalam teks sasaran, tetapi dalam masa yang sama mungkin padanan dalam bahasa sasaran tidak ditemui (Husin, 2022). Hal ini bermakna, budaya sumber perlu difahami terlebih dahulu sebelum ia diterjemahkan menggunakan prosedur terjemahan yang sesuai.

Penterjemah perlu memutuskan isu mana yang lebih utama; sama ada aspek budaya masyarakat bahasa sasaran atau aspek budaya masyarakat bahasa sumber. Ini bukanlah tugas yang mudah bagi penterjemah untuk memastikan bahawa makna teks sumber dikekalkan dalam teks sasaran. Oleh itu, penterjemah harus menggunakan prosedur atau strategi terjemahan yang sesuai.

Terdapat beberapa prosedur atau strategi terjemahan yang boleh digunakan untuk menterjemahkan budaya. Pelbagai teori terjemahan telah mencadangkan beberapa prosedur atau strategi terjemahan untuk merentasi elemen-elemen budaya. Walaupun kebanyakan strategi ini merujuk kepada fenomena yang sama, masih tiada kata sepakat dalam kalangan penyelidik mengenai terminologi yang patut digunakan (Neshkovska & Kitanovska-Kimovska, 2018).

Kepentingan terjemahan kepada pembangunan sesebuah negara tidak boleh dinafikan. Kini, kursus terjemahan kini diajar di banyak negara. Pelajar dilatih untuk menjadi penterjemah. Pelajar didedahkan dengan pelbagai genre teks sebagai latihan menterjemah. Hasil terjemahan pelajar boleh dikaji untuk melihat keberkesanan pengajaran dan pemahaman pelajar. Selain itu, kualiti terjemahan juga boleh dianalisis.

Ini secara tidak langsung dapat membantu perancangan untuk penambahbaikan kursus dan pengajaran terjemahan.

Faktor linguistik dan faktor bukan linguistik adalah dua faktor yang mempengaruhi hasil terjemahan pelajar. Faktor linguistik melibatkan lima petunjuk iaitu (i) leksikal, tatabahasa, kontekstual, tekstual dan semantik. Manakala faktor bukan linguistik pula melibatkan pengetahuan berkaitan ideologi, sejarah, politik, sosial, teknikal, biologi, perubatan, pertanian dan ekonomi (Nida & Taber, 2004).

Kajian yang dilakukan oleh Al.Sobh (2022) menunjukkan bahawa pelajar kursus bahasa Inggeris sebagai bahasa asing di Ajloun National University menghadapi kesukaran untuk menterjemah daripada bahasa Arab ke bahasa Inggeris dan daripada bahasa Inggeris ke bahasa Arab. Kesukaran ini melibatkan faktor leksikal, stilistik, tatabahasa, budaya dan kurang fokus. Faktor-faktor ini menyukarkan pelajar untuk memahami makna yang sebenar dan menyebabkan kegagalan dalam peperiksaan. Tambahan lagi, kesukaran ini juga menyebabkan masalah yang lain terutamanya yang melibatkan pemindahan budaya daripada bahasa sumber ke bahasa sasaran.

Kajian oleh Rossa et al. (2023) menunjukkan bahawa kemampuan pelajar universiti untuk menterjemah daripada bahasa Inggeris ke bahasa Indonesia, secara umumnya adalah amat baik. Kajian ini mencadangkan agar pelajar meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka untuk menghasilkan terjemahan yang baik dan mengelakkan kesalahan dalam terjemahan.

Hasil kajian oleh Sinta (2023) menunjukkan bahawa 68.57% atau 24 daripada 35 pelajar mengalami kesukaran untuk memahami makna bahasa sumber sehingga menyukarkan mereka untuk menterjemahkan bahasa Inggeris ke bahasa Indonesia. Aspek linguistik adalah aspek utama yang menyebabkan kesukaran untuk menterjemah. Hal ini disebabkan oleh kurangnya kosa kata, pengetahuan, dan pemahaman tentang terjemahan. Dapatan menunjukkan bahawa elemen budaya adalah faktor bukan linguistik yang sukar untuk diterjemahkan. Dapatan menunjukkan 62.85% atau 22 daripada 35 pelajar menghadapi kesukaran untuk menterjemah kata-kata yang berkaitan dengan nilai budaya. Kajian ini dapat menunjukkan bahawa elemen budaya menyebabkan kesukaran untuk diterjemahkan.

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa hasil terjemahan pelajar juga boleh dianalisis. Dapatan kajian terdahulu menunjukkan terdapat pelbagai isu dan faktor yang menyumbang kepada kesukaran yang dihadapi oleh pelajar untuk menterjemah. Sehubungan itu, kajian ini menganalisis terjemahan elemen budaya oleh pelajar yang mengikuti kursus terjemahan dengan memberi fokus kepada terjemahan unsur budaya sosial. Budaya sosial adalah budaya yang meliputi kehidupan dan aktiviti harian sesebuah masyarakat. Dalam konteks terjemahan, budaya sosial perlu difahami dengan jelas kerana perspektif dan pandangan sesebuah masyarakat berbeza dengan masyarakat yang lain. Ketidakhahaman boleh menyebabkan kesalahan dalam terjemahan

## 2.1. Kerangka Teori

Kajian ini mengguna pakai Kategori Budaya oleh Newmark (1988) dan Prosedur Terjemahan oleh Newmark (1988) sebagai kerangka teori. Kategori Budaya oleh Newmark (1988) digunakan untuk mengenal pasti unsur budaya sosial dalam petikan

teks sumber. [Newmark \(1988\)](#) mengkategorikan budaya kepada lima kategori iaitu (i) ekologi, (ii) material, (iii) sosial, (iv) organisasi sosial, adat resam, aktiviti, prosedur dan konsep; serta (v) amalan dan gerak laku.

Budaya ekologi merujuk kepada istilah-istilah yang berkaitan dengan ciri-ciri geografi yang boleh dibezakan daripada istilah budaya yang lain ([Newmark, 1988](#)). Interaksi antara manusia persekitarannya yang melibatkan unsur alam disifatkan sebagai budaya ekologi ([Ahmad et. al. 2021](#)).

Budaya material menjadi aspek yang sangat penting dalam sesebuah masyarakat dan dapat dibahagikan kepada (i) makanan, (ii) pakaian, (iii) rumah dan bandar serta (iv) kenderaan ([Newmark, 1988](#)) yang menggambarkan ciri-ciri penting sesuatu masyarakat.

Budaya sosial merangkumi pelbagai aktiviti dalam kehidupan seharian yang menjadi kebiasaan seperti (i) aspek kerja, (ii) kelas masyarakat, (iii) jenis-jenis riadah atau permainan yang dimainkan oleh sesebuah masyarakat ([Newmark, 1988](#)). Budaya sosial meliputi ruang lingkup yang begitu luas yang secara umumnya dikaitkan dengan cara hidup atau amalan harian sesebuah masyarakat dan meliputi pelbagai aspek kehidupan manusia ([Husin, 2016](#)).

Budaya organisasi sosial, adat resam, aktiviti, prosedur dan konsep merupakan budaya yang diamalkan oleh organisasi atau institusi tertentu berdasarkan prinsip yang telah dibangunkan. Budaya organisasi sering kali digambarkan melalui penggunaan istilah-istilah yang berkaitan dengan pentadbiran, adat resam, aktiviti, prosedur dan konsep sesuatu organisasi atau institusi ([Newmark, 1988](#)).

Amalan dan gerak badan seperti bahasa isyarat adalah sebahagian daripada simbol dalam budaya sesebuah masyarakat. Bahasa isyarat dalam sesuatu budaya berbeza dengan budaya yang lain ([Newmark, 1988](#)). Perbezaan ini perlu difahami.

Prosedur Terjemahan oleh [Newmark \(1988\)](#) digunakan untuk menganalisis prosedur terjemahan yang digunakan oleh pelajar untuk menterjemah budaya sosial dalam teks sumber. [Newmark \(1988\)](#) menyatakan *translation procedures* (prosedur terjemahan) digunakan untuk menterjemah ayat dan unit-unit bahasa yang lebih kecil. [Newmark \(1988\)](#) mencadangkan 17 prosedur terjemahan.

(i) Pemandangan ialah prosedur terjemahan yang meminjam kata atau istilah bahasa sumber beserta maksudnya dan memindahkannya ke bahasa sasaran ([Newmark, 1988](#)). Lazimnya perkataan atau istilah yang dipinjam tidak berubah ejaannya ([Husin, 2016](#)). Prosedur terjemahan pemandangan berbeza daripada (ii) naturalisasi. Naturalisasi ialah prosedur terjemahan yang meminjam kata atau istilah bahasa sumber dan menyesuaikan mengikut sistem bunyi dan ejaan bahasa sasaran ([Newmark, 1988](#)).

Istilah atau ungkapan budaya bahasa sumber boleh diterjemahkan dengan padanan budayanya dalam bahasa sasaran melalui (iii) persamaan budaya. Sekiranya unsur budaya dalam teks sumber tiada padanan budayanya dalam bahasa sasaran, ia boleh diterjemahkan dengan huraian yang dapat menerangkan unsur budaya tersebut melalui (iv) persamaan deskriptif. Unsur budaya juga boleh diterjemahkan dengan padanan yang tidak berunsur budaya melalui (v) persamaan fungsional yang menerangkan fungsi unsur budaya tersebut ([Newmark, 1988](#)). (vi) Sinonim digunakan apabila sesuatu kata

atau ungkapan bahasa sumber tiada padanan yang tepat dalam bahasa sasaran (Newmark, 1988). Oleh itu padanan yang bersinonim dengannya digunakan (Husin, 2016).

Newmark (1988) turut memperkenalkan (vii) pinjam terjemah sebagai prosedur terjemahan. Nama-nama organisasi, istilah sejarah dan pentadbiran boleh diterjemahkan melalui prosedur terjemahan pinjam terjemah (Newmark, 1988). Prosedur ini hanya digunakan sekiranya padanan istilah tersebut memang sudah diguna pakai dalam bahasa sasaran (Husin, 2016).

(viii) Anjakan atau transposisi ialah prosedur terjemahan yang menukarkan kelas sesuatu kata atau elemen dalam bahasa sumber dengan kelas kata atau elemen yang lain dalam bahasa sasaran (Vinay & Darbelnet, 1995; Newmark, 1988). Padanan yang digunakan mempunyai makna yang sama dan perubahan yang dilakukan tidak mengubah maksud teks secara keseluruhan. Perkara yang bertukar hanya kelas atau jenis kata dan bukannya makna kata tersebut (Husin, 2016). Transposisi juga boleh mengubah struktur lazim yang digunakan oleh penterjemah (Vinay & Darbelnet, 1995).

Pemikiran dan latar belakang pembaca bahasa sumber dan pembaca bahasa sasaran seringkali berbeza. Perbezaan ini boleh menyebabkan persepsi dan pemahaman yang berbeza (Husin, 2016). (ix) Modulasi boleh digunakan untuk menterjemah teks sumber. Prosedur terjemahan ini mengubah persepsi pembaca sasaran namun mesej dan makna asal teks sumber masih dikekalkan (Newmark, 1988; Vinay & Darbelnet, 1995). Modulasi digunakan bagi memastikan terjemahan yang dihasilkan mudah difahami pembaca sasaran.

Istilah khusus yang merujuk kepada nama institusi boleh diterjemahkan menggunakan (x) terjemahan sedia ada. Prosedur terjemahan ini menggunakan padanan yang sedia ada dan telah diterima serta diguna pakai dalam bahasa sasaran (Newmark, 1988).

(xi) Terjemahan label merupakan prosedur yang lazimnya menggunakan tanda pengikat kata kerana terjemahannya bersifat sementara. Prosedur ini biasanya digunakan untuk menterjemah istilah-istilah yang baru. Setelah beberapa waktu tertentu, apabila perkataan dan istilah yang diterjemahkan menggunakan prosedur ini telah diterima umum, tanda pengikat kata tidak digunakan lagi (Newmark, 1988).

Menurut Newmark (1988), kesan pragmatik, metafora, maksud sebenar ayat dalam teks sumber boleh digantikan dengan perkataan, frasa atau ayat lain dalam bahasa sasaran. Ini boleh dilakukan melalui prosedur terjemahan (xii) penggantian dengan kesan yang sama. Sesuatu leksikal dalam bahasa sumber juga boleh diterjemahkan secara (xiii) analisis komponen dengan perkataan yang hampir sama makna dalam bahasa sasaran. Namun padanan tersebut bukanlah padanan satu lawan satu (Newmark, 1988).

Newmark (1988) turut memperkenalkan pengurangan dan perluasan sebagai prosedur terjemahan. Prosedur terjemahan ini hanya boleh digunakan sekali-sekala kerana boleh mengurangkan atau menambah mesej dalam teks sumber (Newmark, 1988). Bagi mengelakkan kekeliruan pembaca sasaran, (xiv) parafrasa juga digunakan sebagai prosedur terjemahan. (xv) Kuplet atau gabungan lebih daripada satu prosedur terjemahan boleh digunakan untuk menterjemahkan kata dalam teks sumber (Newmark, 1988). Penterjemah juga boleh menggunakan (xvii) nota dan glosari bagi menerangkan istilah budaya atau teknikal yang memang berbeza dalam budaya bahasa

sasaran. Nota lazimnya diletakkan dalam terjemahan dan menjadi sebahagian daripada teks manakala glosari pula diletakkan pada akhir teks terjemahan (Newmark, 1988).

### 3. Metod Kajian

Kajian ini merupakan sebuah penelitian kualitatif yang menganalisis terjemahan unsur budaya sosial dalam amali terjemahan pelajar. Secara khususnya, kajian ini akan mengenal pasti unsur budaya sosial dalam teks sumber Amali Terjemahan 2 dan menganalisis prosedur terjemahan yang digunakan oleh pelajar untuk menterjemah bagi unsur-unsur budaya tersebut.

Kajian ini melibatkan hasil terjemahan oleh 91 orang pelajar yang mengikuti kursus BMP552: Teori dan Amali Terjemahan (Bahasa Melayu) di sebuah universiti awam di Selangor. [Jadual 1](#) menunjukkan jumlah pelajar yang mengikuti kursus terjemahan bagi Semester Oktober 2022-Februari 2023 mengikut jantina.

Jadual 1: Bilangan Pelajar Kursus Terjemahan Mengikut Jantina

Jantina Pelajar	Bilangan	Peratus (%)
Lelaki	16	17.6
Perempuan	75	82.4
Jumlah	91	100.00

Dalam [Jadual 1](#), seramai 16 orang pelajar yang mengikuti kursus terjemahan BMP552 bagi Semester Oktober 2022-Februari 2023 merupakan pelajar lelaki (17.6%) manakala 75 orang pelajar (82.4%) adalah pelajar perempuan. Semua pelajar ini merupakan pelajar Semester 4 yang mengikuti kursus BMP552.

Hasil terjemahan oleh kesemua 91 orang pelajar ini dijadikan sebagai bahan kajian bagi kajian ini. Hasil terjemahan ini adalah terjemahan untuk Amali Terjemahan 2, iaitu satu daripada penilaian berterusan kursus BMP552. Justeru itu, kajian ini tidak melibatkan sebarang tugas tambahan bagi pelajar.

Amali Terjemahan (40%) merupakan sebahagian daripada penilaian berterusan kursus ini. Terdapat tiga Amali Terjemahan yang perlu dilakukan oleh pelajar. Ketiga-tiga amali memerlukan pelajar menterjemah tiga petikan yang berbeza genre. Amali Terjemahan 2 merupakan Amali Terjemahan teks sumber yang mengandungi banyak unsur budaya.

Pelajar diberikan sebuah petikan berbahasa Inggeris sebagai teks sumber. Panjang teks ini adalah 850 patah perkataan. Petikan panjang ini diberikan bagi membantu pelajar memahami konteks cerita petikan teks sumber yang diberikan. Pelajar hanya perlu menterjemah sebahagian daripada petikan teks sumber ini, iaitu sebanyak 302 patah perkataan.

Masa yang diperuntukkan kepada pelajar ialah 1 jam 30 minit untuk menterjemah petikan ini ke bahasa Melayu. Petikan teks sumber bagi Amali Terjemahan 2 ini dipetik daripada novel biografi *Let Her Fly: A Father's Journey* (Yousafzai & Carpenter, 2018), sebuah novel kisah hidup Ziaudin Yousafzai, bapa penerima Anugerah Nobel, Malala Yousafzai.

Kaedah analisis kandungan digunakan bagi mengenal pasti setiap unsur budaya sosial dalam petikan teks bahasa sumber. Analisis perbandingan pula digunakan bagi menganalisis prosedur terjemahan yang pelajar gunakan bagi menterjemah unsur-unsur budaya sosial yang ditemui dalam teks sumber.

Terdapat unsur budaya lain selain budaya sosial dalam petikan teks sumber Amali 2. Namun perbincangan dalam makalah ini dibataskan kepada terjemahan unsur budaya sosial sahaja.

#### 4. Dapatan dan Perbincangan

Hasil analisis kandungan mendapati bahawa terdapat tujuh (7) unsur budaya yang dapat dikategorikan sebagai unsur budaya sosial. Kesemua unsur budaya ini boleh dibahagikan kepada tiga subkategori sebagaimana yang ditunjukkan melalui [Jadual 2](#).

Jadual 2: Pecahan Subkategori Budaya Sosial dalam Petikan Teks Sumber Amali Terjemahan 2

Subkategori Budaya Sosial	Bilangan	Peratus (%)
Kerja (BSK)	1	14.3
Riadah (BSR)	4	57.1
Kelas Masyarakat (BSKM)	2	28.6
Jumlah	7	100.00

[Jadual 2](#) menunjukkan subkategori bagi tujuh (7) unsur budaya sosial yang dikenal pasti terdapat dalam petikan yang dijadikan sebagai teks sumber Amali 2. Kesemua tujuh unsur budaya ini dapat dibahagikan kepada tiga subkategori iaitu (i) kerja (ii) riadah dan (iii) kelas masyarakat sebagaimana yang dikemukakan oleh [Newmark \(1988\)](#).

Unsur budaya subkategori riadah adalah subkategori unsur budaya yang paling banyak dikenal pasti terdapat dalam petikan teks sumber. Jumlah ini menyumbang sebanyak 57.1% daripada keseluruhan dapatan. Dua daripada unsur budaya sosial yang dikenal pasti adalah unsur budaya subkategori kelas masyarakat (28.6%) dan satu unsur budaya subkategori kerja (14.3%).

Kesemua unsur budaya ini ditandakan dengan label tertentu bagi memudahkan analisis dan perbincangan. Kesemua empat unsur budaya sosial subkategori riadah ditandai dengan label BSR 1, BSR 2, BSR 3 dan BSR 4. Unsur budaya sosial subkategori kerja ditandai dengan label BSK 1 manakala dua unsur budaya sosial subkategori kelas masyarakat pula masing-masing ditandai sebagai BSKM 1 dan BSKM 2.

Kesemua unsur budaya ini telah diterjemahkan dengan pelbagai prosedur terjemahan. Tidak dinafikan bahawa terdapat kebarangkalian setiap unsur budaya ini diterjemahkan dengan padanan yang berbeza. Bagi memastikan analisis ini tidak berat sebelah, setiap unsur budaya sosial yang dikenal pasti terdapat dalam petikan teks sumber dibandingkan dengan 91 terjemahan oleh pelajar yang membuat Amali Terjemahan 2. Perbezaan prosedur yang digunakan dibincangkan dalam bahagian seterusnya. [Jadual 3](#) menunjukkan prosedur terjemahan yang digunakan untuk menterjemahkan unsur budaya sosial yang dikenal pasti terdapat dalam petikan teks sumber.

Jadual 3: Prosedur Terjemahan Unsur Budaya Sosial dalam Amali Terjemahan 2

Unsur Budaya Sosial	Prosedur	Bilangan
Budaya Sosial Rekreasi 1 (BSR 1)	Naturalisasi	90
	Salah Terjemah	1
Budaya Sosial Rekreasi 2 (BSR 2)	Naturalisasi	84
	Pemindahan	2
	Transposisi	2
	Sinonim	3
Budaya Sosial Rekreasi 3 (BSR 3)	Pemindahan	89
	Pengguguran	2
Budaya Sosial Rekreasi 4 (BSR 4)	Transposisi	5
	Salah terjemah	86
Budaya Sosial Kerja 1 (BSK 1)	Pemindahan	60
	Pinjam Terjemah	17
	Salah Terjemah	10
	Persamaan Budaya	4
Budaya Sosial Kelas Masyarakat 1 (BSKM)	Kata demi kata	91
Budaya Sosial Kelas Masyarakat 2 (BSKM 2)	Pemindahan	89
	Persamaan budaya	2

Jadual 3 menunjukkan bahawa kebanyakan unsur budaya sosial yang dikenal pasti terdapat dalam petikan teks sumber diterjemahkan menggunakan lebih daripada satu prosedur terjemahan. Ini jelas menunjukkan sesuatu unsur budaya boleh diterjemahkan dengan pelbagai cara atau padanan. Ini juga membuktikan bahawa tiada ketetapan yang khusus untuk menterjemah sesuatu unsur budaya.

Jadual 3 juga menunjukkan terdapat satu unsur budaya sosial yang diterjemahkan menggunakan hanya satu prosedur terjemahan iaitu BSR 4. Lima unsur budaya yang lainnya diterjemahkan menggunakan lebih daripada satu prosedur terjemahan. Jadual 3 juga menunjukkan bahawa terdapat unsur budaya yang salah diterjemahkan ke bahasa Melayu.

#### 4.1. Unsur Budaya Sosial Subkategori Riadah

Hasil analisis menunjukkan terdapat empat dapatan bagi unsur budaya sosial yang berkaitan riadah. Riadah ialah sebarang aktiviti yang dilakukan pada waktu lapang bagi mendapatkan badan dan fikiran yang sihat (seperti bersenam, bermain, dan sebagainya), rekreasi; melakukan latihan gerak badan (senaman), bersenam; dan berekreasi (<https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=Riadah>). Dapatan analisis menunjukkan unsur budaya sosial subkategori riadah yang dikenal pasti dalam petikan teks sumber diterjemah menggunakan pelbagai prosedur terjemahan.

BSR 1:

*I and the rest of the boys would carry on playing cricket.*

Perkataan *cricket* dikategorikan sebagai unsur budaya sosial bagi subkategori riadah. *Cricket* merupakan permainan padang yang sangat popular di negara-negara tertentu termasuklah Bangladesh. *Cricket* merupakan permainan musim panas yang sangat popular di Bangladesh yang dianggap sebagai permainan kebangsaan dan lazimnya sering dimainkan dari bulan November hingga Mei.

Hasil analisis mendapati bahawa 90 orang pelajar telah menterjemah perkataan *cricket* dalam petikan teks sumber menggunakan prosedur terjemahan naturalisasi menjadi *kriket*. Bunyi dan ejaan perkataan ini dinaturalisasikan mengikut sistem ejaan dan bunyi bahasa Melayu sebagai bahasa sasaran. Huruf 'c' dalam ejaan *cricket* ditukar dengan huruf 'k' dalam ejaan bahasa Melayu bagi memastikan ejaannya mengikut sistem ejaan bahasa Melayu.

Hasil analisis juga menunjukkan terdapat pelajar yang menterjemah perkataan ini dengan padanan yang salah yang seterusnya membawa makna yang berbeza iaitu *badminton*. Badminton juga merupakan permainan yang boleh dikategorikan sebagai budaya sosial subkategori riadah. Namun begitu, terjemahan *cricket* sebagai *badminton* bukanlah terjemahan yang betul memandangkan kedua-dua permainan ini adalah berbeza.

#### BSR 2

*These same little girls, in playful games of mimicry, would sometimes drape their mothers' or older sisters' shawls over their faces, covering their small noses and soft cheeks, obscuring all but their eyes, wanting to be just like these female role models whom they loved.*

Dalam BSR2, perkataan *mimicry* juga dikategorikan sebagai unsur budaya sosial subkategori riadah. *Mimicry* adalah permainan mengajuk yang sering dimainkan oleh kanak-kanak. Hasil analisis menunjukkan bahawa perkataan ini telah diterjemahkan dengan tiga padanan yang berbeza menggunakan tiga prosedur terjemahan yang berbeza. [Jadual 4](#) menunjukkan terjemahan perkataan *mimicry* oleh pelajar yang membuat Amali Terjemahan 2.

Jadual 4: Terjemahan Perkataan *Mimicry* dalam Terjemahan Pelajar

Perkataan Teks Sumber	Terjemahan	Prosedur	Jumlah
<i>mimicry</i>	mimikri	naturalisasi	84 (92.3%)
	<i>mimicry</i>	pemindahan	2 (2.2%)
	Mengajuk	transposisi	2 (2.2%)
	meniru	sinonim	3 (3.3%)
Jumlah			91 (100%)

Hasil analisis dalam [Jadual 4](#) menunjukkan seramai 84 orang pelajar menterjemah perkataan *mimicry* secara naturalisasi menjadi *mimikri* dalam bahasa Melayu. Huruf 'c' dan huruf 'y' dalam ejaan *mimicry* telah digantikan dengan huruf 'k' dan 'i' dalam perkataan *mimikri*. Penggantian ini mematuhi sistem ejaan dan bunyi dalam bahasa Melayu sebagai bahasa sasaran. Prosedur terjemahan naturalisasi yang digunakan secara tidak langsung menunjukkan pelajar lebih cenderung menggunakan prosedur yang lebih mudah atau mereka tidak dapat mencari padanan yang sesuai dan memilih untuk menggunakan prosedur naturalisasi untuk menterjemah perkataan *mimicry* menjadi *mimikri*. Hasil analisis juga menunjukkan terdapat dua orang pelajar yang memindahkan terus perkataan ini ke dalam terjemahan tanpa mengubah ejaannya.

#### Contoh Terjemahan Pelajar 1

*Gadis -gadis kecil yang sama ini dalam permainan mimicry yang mainan kadang -kadang akan mengepakkan selendang ibu -ibu mereka ....*

### Contoh Terjemahan Pelajar 2

*Perkara sama berlaku terhadap anak perempuan kecil yang bermain permainan seperti mimicry kerap kali akan menarik pakaian ibu atau kakak mereka ....*

Kedua-dua contoh terjemahan menunjukkan perkataan *mimicry* dipindahkan terus ke bahasa sasaran. Seorang pelajar mengekalkan ejaan *mimicry* tanpa ditulis secara italik (Pelajar 1) manakala seorang lagi pelajar mengekalkan ejaan perkataan ini tetapi ditulis secara italik (Pelajar 2).

### Contoh Terjemahan Pelajar 3

*Gadis-gadis kecil yang sama dalam permainan mengajuk dan kadang-kadang akan menyarungkan selendang ibu atau kakak mereka ....*

Dapatan menunjukkan perkataan *mimicry* juga diterjemahkan secara transposisi dengan kata kerja *mengajuk*. Dalam bahasa sumber *mimicry* adalah kata nama yang menunjukkan perbuatan *mengajuk* sebagaimana dalam Contoh Terjemahan Pelajar 3.

### Contoh Terjemahan Pelajar 4

*Kanak-kanak perempuan ini bermain permainan meniru idola yang disukai mereka dengan kadang-kadang menyarung selendang ibu atau kakak mereka ke muka mereka....*

Hasil analisis menunjukkan perkataan *mimicry* dalam petikan teks sumber juga diterjemahkan dengan padanan sinonimnya dalam bahasa Melayu menjadi *meniru* sebagaimana ditunjukkan dalam Contoh Terjemahan Pelajar 4.

Jika dilihat pada contoh terjemahan oleh Pelajar 3 dan Pelajar 4, dapat dilihat dengan jelas bahawa gaya terjemahan kedua-dua pelajar adalah berbeza. Perbezaan gaya terjemahan ini boleh disebabkan oleh pelbagai faktor. Penggunaan perkataan yang jelas berbeza menunjukkan kepelbagaian padanan yang digunakan oleh pelajar.

### BSR 3

*The roofs formed a sort of small rooftop playground called a chum, where we young children, boys and girls, would play our games together, shouting and hopping and rolling our marbles.*

Dapatan menunjukkan bahawa perkataan *chum* diterjemahkan menggunakan dua prosedur terjemahan iaitu prosedur terjemahan pemindahan dan persamaan deskriptif. Berbeza dengan terjemahan *mimicry*, tidak semua perkataan *chum* yang dipindahkan ke dalam hasil terjemahan pelajar ditulis secara italik. Hanya sebahagian saja pelajar yang menggunakan tulisan italik untuk perkataan ini dalam terjemahan mereka. Hasil analisis juga menunjukkan terdapat dua orang pelajar yang tidak menterjemah perkataan *chum* ke bahasa Melayu. Jika dilihat pada hasil terjemahan mereka, terjemahan frasa *small rooftop playground* sudah mencukupi untuk menyampaikan mesej. Maka perkataan *chum* tidak diterjemah dalam terjemahan pelajar.

### BSR 4

*The roofs formed a sort of small rooftop playground called a chum, where we young children, boys and girls, would play our games together, shouting and hopping and rolling our marbles.*

Dalam ayat yang sama, selain *chum*, terdapat juga unsur budaya sosial subkategori rekreasi iaitu frasa *shouting and hopping and rolling our marbles*. Berdasarkan analisis yang dilakukan, frasa ini diterjemah secara kata demi kata oleh semua pelajar. Didapati bahawa kebanyakan pelajar menterjemah frasa ini dengan struktur ayat yang hampir sama. Namun begitu, hasil analisis juga menunjukkan terdapat perbezaan penggunaan perkataan dalam terjemahan pelajar.

Terdapat tiga kata kerja dalam frasa ini iaitu *shouting*, *hopping* dan *rolling*. Hasil analisis menunjukkan 89 orang pelajar menterjemah perkataan *shouting* sebagai *menjerit* manakala dua orang pelajar menterjemah perkataan ini sebagai *berteriak*. Kesemua 91 orang pelajar menterjemah perkataan *hopping* dengan padanan yang sama iaitu *melompat*. Walau bagaimanapun, terdapat lebih daripada dua padanan bagi perkataan *rolling*. Didapati bahawa terdapat empat padanan bagi perkataan *rolling* yang membentuk frasa *rolling our marbles* iaitu *mengguling*, *menggulung*, *menggolek*, *membaling* dan *bermain*. Berikut adalah [Jadual 5](#) yang memaparkan terjemahan BSR4:

Jadual 5: Terjemahan BSR 4

Unsur Budaya	Terjemahan	Bilangan
<i>shouting and hopping and rolling our marbles</i>	mengguling	30 (32.9%)
	menggulung	31 (34.1)
	menggolek	15 (16.5%)
	membaling	10 (11.0%)
	bermain	5 (5.5%)
Jumlah		91 (100%)

[Jadual 5](#) menunjukkan bahawa walaupun kebanyakan pelajar menterjemah frasa *shouting and hopping and rolling our marbles* secara langsung dan pemilihan perkataan yang digunakan sebagai padanan adalah pelbagai. Walaupun frasa *rolling our marbles* lebih sesuai diterjemahkan sebagai *bermain guli*, kebanyakan pelajar menterjemah frasa ini tanpa mengambil kira konteks makna dan kesesuaian perkataan yang digunakan. Ini juga boleh menyebabkan terjemahan yang dihasilkan kurang tepat ([Kumar et al., 2019](#)).

#### 4.3. Unsur Budaya Sosial Subkategori Kerja

Hasil analisis menunjukkan terdapat hanya satu unsur budaya sosial subkategori kerja yang dikenal pasti dalam petikan teks sumber Amali 2 iaitu *School Kaka*.

##### BSK 1

"Ziauddin, wake up!" she repeated. "We are going on a journey." I could see she was already dressed in her thick gray paroonay. "With School Kaka?" I asked her sleepily, about my father.

Dalam petikan teks sumber, *School Kaka* diujarkan oleh Yousafzai bertanyakan tentang ayahnya apabila ibunya mengejutkannya dari tidur. Frasa *about my father* memberi gambaran siapa *School Kaka*. Ini dikuatkan lagi dengan ayat seterusnya yang menunjukkan pekerjaan *School Kaka* iaitu *No," she said, "not with School Kaka. Your father is taking daily prayers, as usual, and teaching in the school.*

Hasil analisis menunjukkan pelajar menterjemah *School Kaka* menggunakan tiga prosedur iaitu (i) pemindahan, (ii) modulasi, dan (iii) pinjam terjemah. Seramai 66 orang pelajar memindah *School Kaka* terus ke dalam terjemahan mereka. Dalam ayat ini, *School Kaka* merujuk kepada ayah Yousafzai yang bekerja di sekolah sebagai Guru Besar. [Jadual 6](#) menunjukkan bahawa terjemahan BSK 1:

Jadual 6: Terjemahan BSK 1

Unsur Budaya	Terjemahan	Bilangan
School Kaka	<i>School Kaka</i>	66 (72.5%)
	Ayah	2 (2.2%)
	Abah	2 (2.2%)
	Sekolah Kaka	20 (22.0%)
	Pakcik Sekolah	1 (1.1%)
Jumlah		91 (100%)

Hasil analisis dalam [Jadual 6](#) menunjukkan 66 orang pelajar menterjemah *School Kaka* melalui pemindahan. Frasa ini dikekalkan ejaannya dalam teks terjemahan 66 orang pelajar tanpa ditulis secara italik. Empat orang pelajar telah menterjemah frasa ini secara persamaan budaya menjadi *Ayah* (2 dapatan) dan *Abah* (2 dapatan). *Ayah* dan *Abah* ialah panggilan yang sering digunakan dalam masyarakat Melayu merujuk kepada ayah atau bapa. Kedua-dua padanan ini digunakan bagi menggantikan *School Kaka*.

*School Kaka* juga diterjemahkan secara pinjam terjemah menjadi *Sekolah Kaka*, iaitu sebanyak 20 dapatan. Terjemahan ini agak janggal untuk difahami oleh pembaca sasaran kerana konsep dan istilah *Sekolah Kaka* tidak digunakan dalam konteks budaya di Malaysia. Apatah lagi panggilan itu juga tidak digunakan di sekolah di Malaysia. Maka terjemahan ini bukanlah terjemahan yang sesuai digunakan untuk menterjemah *School Kaka*. Analisis juga menunjukkan terdapat satu dapatan salah terjemah iaitu *Pakcik Sekolah*.

#### 4.4. Unsur Budaya Sosial Subkategori Kelas Masyarakat

Terdapat dua dapatan yang dikategorikan sebagai unsur budaya sosial subkategori kelas masyarakat. Subkategori kelas masyarakat melibatkan semua istilah, ungkapan yang merujuk kepada aktiviti atau kebiasaan dalam budaya sosial sesebuah masyarakat. Dalam sesebuah masyarakat, terdapat golongan-golongan yang berbeza budaya sosialnya disebabkan oleh beberapa faktor seperti perbezaan agama dan kepercayaan, faktor sejarah pemerintahan, politik dan geografi ([Husin, 2016](#)).

BSKM 1:

*They were described only in relation to men: daughters of my father, sisters of Ziauddin and Saeed Ramzan.*

BSKM 1 menunjukkan unsur budaya sosial subkategori kelas masyarakat. Ayat ini menunjukkan budaya sosial masyarakat di Bangladesh. Dalam sistem kelas atau golongan masyarakat, penstrataan atau lapisan masyarakat sememangnya wujud. Meskipun kelas sosial atau golongan seseorang individu ditentukan oleh latar belakang sosialnya, kedudukan seseorang individu dalam masyarakatnya boleh berubah dengan kejayaan yang dicapainya. Kelas seseorang individu juga mempengaruhi dan menentukan kebolehannya untuk mengakses kepada aspek-aspek tertentu dan meletakkan seseorang pada tahap dan peluang yang berbeza-beza.

Analisis menunjukkan bahawa kesemua 91 orang pelajar menterjemah ayat ini secara kata demi kata. Hasil penelitian menunjukkan terdapat kepelbagaian gaya terjemahan yang digunakan untuk menterjemah ayat ini.

#### Contoh Terjemahan Pelajar 5

*Mereka hanya digambarkan dengan mengaitkan hubungan dengan lelaki seperti anak perempuan ayah saya, saudara perempuan Ziauddin dan Saeed Ramzan.*

#### Contoh Terjemahan Pelajar 6

*Mereka hanya digambarkan dalam hubungan dengan lelaki: anak perempuan ayah saya, saudara perempuan Ziauddin dan Saeed Ramzan.*

#### Contoh Terjemahan Pelajar 7

*Mereka juga hanya dipanggil dengan gelaran yang mempunyai hubungan dengan lelaki: anak perempuan ayahku, saudara perempuan Ziauddin Saeed Ramzan.*

Contoh Terjemahan Pelajar 5, Terjemahan Pelajar 6 dan Terjemahan Pelajar 7 menunjukkan tiga gaya terjemahan yang berbeza yang dihasilkan oleh pelajar. Ketiga-tiga terjemahan ini diterjemahkan secara langsung kata demi kata ke dalam bahasa Melayu. Jelas kelihatan bahawa Pelajar 5 dan Pelajar 6 mengekalkan struktur dan gaya penulisan ayat teks sumber. Terdapat tanda noktah bertindih dalam ayat sumber yang memisahkan antara frasa *They were described only in relation to men* dan frasa *daughters of my father, sisters of Ziauddin and Saeed Ramzan*. Dapatan menunjukkan Pelajar 5 tidak mengekalkan gaya penulisan ayat teks sumber dengan menggugurkan tanda noktah dalam terjemahannya dan menggantikannya dengan perkataan *seperti*.

#### BSKM 2

*"Beybey?" I asked her, our word for "mama." "Ziauddin, wake up!" she repeated.*

Budaya sosial dalam sesebuah masyarakat juga dapat dikaitkan dengan golongan atau kelas sosial seseorang individu. Budaya seseorang individu yang hidup dalam golongan masyarakat tertentu berbeza dengan individu dalam golongan masyarakat yang lain. Tidak keterlaluan juga jika dikatakan kelas sosial seseorang individu boleh menentukan banyak aspek dalam kehidupan seharian sama ada dari segi gaya pertuturan, pakaian, cara makan, tahap pendidikan, struktur ekonomi masyarakatnya dan aktiviti sosial (Husin, 2016). Ini termasuklah panggilan yang digunakan sebagaimana dalam BSKM 2.

Dalam BSKM 2, *Beybey* ialah panggilan untuk ibu oleh Yousafzai. Hasil analisis menunjukkan perkataan ini diterjemahkan menggunakan dua prosedur terjemahan iaitu pemindahan (89 dapatan) dan persamaan budaya (2 dapatan). Selain dipindahkan terus ke dalam teks terjemahan bahasa Melayu, terdapat dua orang pelajar yang menterjemah *Beybey* sebagai *Umi* yang sering kali menjadi panggilan untuk ibu.

Berdasarkan dapatan hasil analisis, dapat dilihat bahawa pelajar lebih banyak menterjemah unsur budaya sosial secara terus melalui pemindahan. Istilah-istilah seperti *Beybey* dan *School Kaka* lebih banyak dipindahkan ke bahasa sasaran. Dapatan

menunjukkan istilah-istilah ini ditulis dengan dua cara iaitu sama ada ditulis menggunakan tulisan italik ataupun tidak.

Dapatan juga menunjukkan bahawa unsur budaya sosial yang dikenal pasti juga banyak diterjemahkan secara naturalisasi seperti *cricket* dan *mimicry*. Naturalisasi ialah prosedur terjemahan yang mengekalkan makna konsep perkataan bahasa sumber namun dieja dan dibunyikan mengikut sistem ejaan bahasa sasaran (Newmark, 1988). Jelas kelihatan bahawa huruf 'c' dalam ejaan kedua-dua unsur budaya ini ditukar dengan huruf 'k' sebagaimana sebutan perkataan ini dalam bahasa Melayu. Huruf 'y' pula ditukar dengan huruf 'i' bagi bunyi /i/.

Dapatan juga jelas menunjukkan terjemahan literal banyak digunakan oleh pelajar untuk menterjemah unsur budaya dalam bentuk ayat petikan teks sumber. Terjemahan kata demi kata merupakan prosedur terjemahan yang menterjemah setiap kata dalam ayat bahasa sumber dengan padanan literalnya dalam bahasa sasaran. Struktur ayat dalam teks terjemahan juga tidak berubah dan masih sama sebagaimana struktur dalam bahasa sumber (Newmark, 1988). Namun begitu, terjemahan ini boleh menghasilkan ayat yang tidak gramatis dan makna yang berlainan jika dibandingkan dengan teks sumber.

Penelitian menunjukkan bahawa walaupun struktur tidak berubah, gaya terjemahan pelajar berbeza-beza. Penggunaan perkataan juga berbeza. Dapat dikatakan bahawa tiada keseragaman secara total dalam terjemahan kesemua unsur budaya. Hanya unsur budaya BSR1 iaitu *cricket* yang sama terjemahannya iaitu *kriket*. Perkataan ini ialah perkataan yang sememangnya digunakan untuk merujuk kepada permainan *cricket*.

Selain pemindahan, naturalisasi dan literal, prosedur terjemahan lain juga digunakan untuk menterjemah unsur budaya sosial dalam petikan teks sumber Amali 2. Didapati pinjam terjemah, persamaan budaya dan sinonim juga digunakan oleh pelajar untuk menterjemah unsur budaya sosial yang dikenal pasti. Dapatan juga menunjukkan berlaku pengguguran unsur budaya dalam terjemahan pelajar. Pengguguran ini tidak mengganggu makna dan mesej yang disampaikan oleh penulis teks sumber. Penggunaan prosedur yang pelbagai menunjukkan bahawa pelajar sebagai penterjemah mempunyai pilihan prosedur sendiri yang dirasakan dapat menterjemah unsur budaya dalam teks sumber.

Dapatan analisis juga menunjukkan berlakunya salah terjemah dalam terjemahan pelajar. Terdapat kesalahan dalam terjemahan bagi perkataan dan frasa *cricket*, *School Kaka* dan *rolling our marbles* dalam terjemahan pelajar. Kesalahan yang berlaku menunjukkan pelajar tidak mengambil kira konteks makna unsur budaya yang diterjemahkan. Sekiranya pelajar tidak membaca teks sumber dengan teliti boleh menyebabkan mereka tidak memahami atau salah faham akan teks sumber Penggunaan prosedur yang tidak sesuai boleh menghasilkan terjemahan budaya yang salah (Rossa et al., 2020; Syonia & Rosa, 2020). Dalam masa yang sama, ia dapat menunjukkan pelajar tidak menyemak dengan teliti hasil terjemahan mereka.

## 5. Kesimpulan

Analisis terhadap petikan teks sumber Amali 2 menunjukkan terdapat tujuh unsur budaya sosial yang boleh dikategorikan kepada tiga subkategori. Terdapat satu (14.3%) unsur budaya yang boleh disubkategorikan sebagai subkategori kerja, empat unsur

budaya subkategori riadah (57.1%) dan dua unsur budaya subkategori kelas masyarakat (28.6%). Kesemua unsur budaya ini diterjemahkan berdasarkan pelbagai prosedur terjemahan iaitu melibatkan prosedur pemindahan, pinjam terjemah, literal, naturalisasi, persamaan budaya, sinonim dan pengguguran. Pemindahan lebih kerap digunakan berbanding prosedur terjemahan yang lain. Dapatan analisis juga menunjukkan terdapat unsur budaya yang salah diterjemahkan hingga menyebabkan kehilangan makna sebenar jika dibandingkan dengan teks sumber. Penelitian juga menunjukkan bahawa terjemahan literal menghasilkan gaya terjemahan yang berbeza dalam kalangan pelajar. Penggunaan perkataan yang berbeza menunjukkan pelajar mempunyai kepelbagaian pilihan bagi menterjemah unsur budaya. Dalam hal ini, gaya terjemahan pelajar boleh dikaji dalam kajian akan datang.

### **Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)**

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Teknologi MARA (REC UiTM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian. Kajian ini juga telah mendapat kelulusan etika penyelidikan dengan nombor rujukan REC/06/2023 (ST/MR/160).

### **Penghargaan (*Acknowledgement*)**

Setinggi penghargaan dirakamkan kepada Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam, Selangor. Terima kasih juga diberikan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini.

### **Kewangan (*Funding*)**

Kajian ini menggunakan Geran Inisiatif Akademi Pengajian Bahasa bagi kajian bertajuk Analisis Prosedur Terjemahan Budaya Dalam Amali Terjemahan Pelajar. Nombor rujukan geran ini ialah 600-TNCPI 5/3/DDF (APB) (005/2022) dan 600-APB (PT.5/1).

### **Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)**

Tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengarang atau penerbitan kajian ini.

### **Rujukan**

- Ahmad Jalaluddin, A.M.S., Muhammad Arsyad, A.M. & Husin, N. (2021) Prosedur Terjemahan Unsur Budaya Ekologi dalam al-Quran. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*. 18 (4(SI)). 148-162. <https://ejournal.ukm.my/ebangi/issue/view/1405>.
- Al. Sobh, M.A. (2022) Translation Challenges Facing University Students a Case Study: EFL Students at Ajloun National University, *European Journal of English Language and Literature Studies*, 10(5), 10-23. <https://doi.org/10.37745/ejells.2013/vol10n5>.

- Husin, N. (2016). *Strategi Terjemahan Elemen Budaya Bukan Material dalam Teks Bukan Fiksi: The World is Flat*. [Tesis PhD], Universiti Sains Malaysia. <http://eprints.usm.my>.
- Husin, N. (2022). Domestication and Foreignization in the Translation of English Non-Material Cultures in "The World Is Flat" into Malay. *Proceedings of the International Virtual Colloquium on Multi-disciplinary Research Impact (2nd Series)*. Malaysia, 59-65. [https://doi.org/10.21834/ebpj.v7iSI7%20\(Special%20Issue\).3764](https://doi.org/10.21834/ebpj.v7iSI7%20(Special%20Issue).3764).
- Kumar, A. , Pandey, A.S, & Mishra, A. (2019). Need of Translation in Our Times. *Journal of Emerging Technologies and Innovative Research (JETIR)*, 6(6). <https://www.jetir.org/view?paper=JETIR1906F20>.
- Neshkovska, S. & Kitanovska-Kimovska, S. (2018) Translating Culture. *Horizons*, 22(1), 165-174. <https://doi.org/10.20544/horizons.a.22.1.18.p14>.
- Newmark, P. (1988). *A Textbook of Translation*. New Jersey: Prentice Hall Longman.
- Nida, E. & Taber C. (2004). *The Theory and Practice of Translation*. Shanghai: Shanghai Foreign Language Education Press.
- Rossa, R. N., Amri, Z., & Zainil, Y. (2020). Translation strategies used by student translators in solving equivalence finding-related problems. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 411, 394-401, <http://https://doi.org/10.2991/assehr.k.200306.066>.
- Rossa Ito Hutahaean, Ria Angelina Saragih, Ephy Cryday Yanti Gea & Hotnida Theresia Lubis. (2023). An Analysis on English Students' Ability in Translating from English Into Indonesian. *Journal on Education*, 5(4), 14424-14431
- Sari, D.M.M, (2019). An Error Analysis on Student's Translation Text. *Eralingua: Jurnal Pendidikan Bahasa Asing dan Sastra*, 3(2). <https://dx.doi.org/10.26858/eralingua.v3i2.8658>.
- Sinta, D.B. (2023). *The Analysis Of Students' Difficulties In Translating Argumentative Text From English To Indonesian At The First Semester Of The Eleventh Grade Of Sman 1 Abung Selatan North Lampung In The Academic Year Of 2022/2023*. [Diploma thesis yang tidak diterbitkan]. UIN Raden Intan Lampung. <http://repository.radenintan.ac.id/22809/>.
- Syonia, A. & Rosa R.N. (2020). An Analysis of Translation Problems Faced by the Third Year English Department Students of UNP in Translating Historical Recount Text. *Journal of English Language Teaching*, 9(4), 682-691, <https://doi.org/10.24036/jelt.v9i4.110248>.
- Toury, G. (2012). *Descriptive Translation Studies - and beyond*. (Revised Edition). John Benjamins Publishing Company.
- Vinay, J. P. & Darbelnet, J. (1995): *Comparative Stylistics Of French And English, A Methodology For Translation*. Translated and Edited By Juan, C. S., & Hamel, M. J. Benjamins Translation Library.
- Yousafzai, Z. & Carpenter, L. (2018). *Let Her Fly: A Father's Journey*. United States. Back Bay Book.